

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LARRY SOON @
LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan keseluruhan dan jumlah individu yang berjaya menerima Bantuan Prihatin Nasional dan jumlah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang menerima Geran Khas Prihatin di negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, sebanyak 14.07 juta permohonan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) telah diterima dari seluruh negara. Daripada jumlah ini, sehingga 31 Julai 2020, sebanyak RM11.14 bilion telah dibayar kepada seramai 10.6 juta penerima.

Bagi negeri Sarawak pula, sehingga 31 Julai 2020, sejumlah RM1.11 bilion BPN telah dibayar kepada seramai 1.02 juta penerima.

Manakala bagi Geran Khas Prihatin (GKP) pula, sebanyak 677,527 permohonan telah diterima dari seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1.63 bilion telah dibayar kepada 545,000 PKS mikro.

Bagi negeri Sarawak, sebanyak 31,543 permohonan GKP telah diterima melibatkan RM94.63 juta. Daripada jumlah permohonan ini, sejumlah RM66.22 juta telah dibayar kepada sebanyak 22,073 ribu PKS mikro di Sarawak.

Sekian, terima kasih.